



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH AIDILFITRI

**Tajuk :
SYAWAL: BANGKIT DARI UJIAN,
BERSATU DALAM KEIMANAN**

**Tarikh Dibaca :
1 SYAWAL 1447H**

**Disediakan oleh :
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



SYAWAL: BANGKIT DARI UJIAN, BERSATU DALAM KEIMANAN

1 SYAWAL 1447H

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَرْحَمُونَ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ، : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ :

﴿ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى ﴾ ﴿ ١٦ ﴾ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ﴿ ١٥ ﴾ ﴿ الْأَعْلَى [14، 15] ﴾

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Baginda Rasulullah SAW. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat.

Ayat yang dibacakan tadi pada **Surah Al-A'la** mengangkat satu kunci kemenangan yang tidak pernah lapuk ditelan zaman iaitu **orang yang berjaya ialah orang yang menyucikan jiwa, mengingat Tuhan, lalu menegakkan solat**. Maka Aidilfitri bukan semata-mata hari kemenangan fizikal selesai berpuasa, tetapi kemenangan rohani melalui jiwa yang disucikan, fitrah yang dihidupkan, dan ukhwah yang ditautkan semula.

Khatib mengambil kesempatan untuk mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri** kepada seluruh umat Islam. Dan pada pagi Aidilfitri yang indah ini mimbar membawa pesanan bertajuk: **“SYAWAL: BANGKIT DARI UJIAN, BERSATU DALAM KEIMANAN”**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Hari ini ramai yang menangis sayu kerana perginya Ramadan. Namun, adakah kita menangis kerana rindu pada barakahnya atau kita sekadar berasa lega kerana “beban” ibadah telah tamat?

Ingatlah wahai saudara-saudaraku! Tujuan utama Madrasah Ramadan ialah **لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ** agar kamu bertakwa. Takwa itu bukan pakaian bermusim. Takwa ialah identiti orang beriman. Jangan biarkan masjid yang dahulunya penuh sesak kembali sepi di esok hari. Jangan biarkan al-Quran kembali berhabuk di rak-rak tinggi. Sedarlah, Tuhan bagi bulan Ramadan ialah Tuhan yang sama bagi Syawal, Zulkaedah, Zulhijjah dan seluruh bulan sepanjang hayat. Jika kita hanya menyembah Allah pada Ramadan, sesungguhnya Ramadan telah pergi. Namun jika kita menyembah Allah kerana Dia adalah Tuhan kita, maka Dia sentiasa ada untuk kita selamanya. Maka istiqamahlah dalam solat berjemaah, tadarus al-Quran, sedekah, serta menjaga mata dan lisan kerana **takwa yang hakiki ialah takwa yang berterusan**.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,

Aidilfitri ialah waktu untuk menyambung silaturrahim. Ia bukan semata-mata saling bertukar hantaran teks di WhatsApp atau memuat naik status di media sosial. Bukan hari untuk kita menunjukkan pakaian baharu kita. Berapa ramai antara kita pulang ke

kampung namun masih membawa “dendam dingin” di dalam hati? Berapa banyak adik-beradik yang tidak bertegur sapa bertahun-tahun atas urusan dunia yang akhirnya akan ditinggalkan? Berapa ramai pula umat Islam yang masih bermusuhan kerana perbezaan ideologi dan pendapat?

Gunakanlah peluang kepulangan ini untuk bersemuka. Buanglah ego yang setinggi gunung itu. Bersalamanlah dan peluklah saudaramu dengan penuh kasih sayang. Ingatlah, memperbaiki hubungan yang retak (*islah*) adalah jauh lebih mulia daripada sekadar berhari raya di dalam rumah yang indah namun jiwanya kosong. Jangan biarkan maaf kita hanya di hujung jari biarlah ia bermula dari lubuk hati.

Dan ketahuilah, perpaduan itu bukan sekadar slogan, tetapi tuntutan iman. Ummah yang kuat tidak dibina dengan sindiran dan benci; tetapi dengan kesediaan untuk merendah diri, mengalah demi kebenaran, dan memuliakan silaturrahim.

Dalam keriuhan kita meraikan kemenangan, lihatlah pada diri kita. Adakah kita menyambut Syawal untuk mencari keredhaan-Nya, atau untuk mencari perhatian manusia? Zaman media sosial ini telah mengheret kita ke lembah “*flexing*” iaitu budaya menunjuk-nunjuk pakaian baharu yang mahal, kereta mewah, atau jumlah duit raya yang banyak. Sedarlah, di luar sana ada jiran kita yang makan berulam air mata kerana kesempitan hidup. Ada anak yatim yang hanya mampu memandang sayu kebahagiaan orang lain. Janganlah kita mengguris hati mereka dengan kemegahan kita.

Aidilfitri adalah **hari kemenangan jiwa**, bukannya pertandingan materialisme. Berbelanjalah mengikut kemampuan, jangan sampai berhutang demi bergaya kerana kemuliaan insan bukan terletak pada zahirnya, tetapi pada **nur iman** di dadanya. Inilah makna “menghidupkan fitrah”: kembali kepada kesederhanaan, kembali kepada ihsan, kembali kepada empati.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat sekalian,

Sambil kita menikmati juadah rendang dan ketupat, janganlah kita butakan mata dan pekakkan telinga daripada penderitaan saudara kita di Palestin, khususnya di Gaza. Ketika kita di sini memakai pakaian baharu, mereka mungkin sedang memakai kain

kafan. Ketika kita bergelak-tawa bersama keluarga, mereka sedang merintih kehilangan zuriat dan orang tersayang. Ketika kita bersantai di rumah yang berhias indah, mereka masih lagi berteduh dalam runtuh bangunan. Jangan biarkan hiburan Syawal melalaikan kita daripada perjuangan umat Islam sejagat. Jadikan rasa syukur atas keamanan di tanah air sebagai pemacu untuk lebih banyak memberi. Hulurkan sedekah, titipkan doa, hidupkan qunut nazilah dalam solat-solat kita. Sesungguhnya sebahagian daripada harta dan kegembiraan kita adalah hak mereka yang memerlukan. Umat yang bersatu dalam keimanan bukan hanya bersatu dalam slogan tetapi bersatu dalam rasa, doa dan tindakan.

Selain dari itu juga, janganlah kita lupa bahawa ketika ini terdapat saudara-saudara kita di rantau Timur Tengah, yang sedang berdepan dengan konflik dan pergolakan yang semakin meruncing. Pergolakan dan peperangan bukan sahaja meragut nyawa dan memusnahkan kehidupan manusia, bahkan memberi kesan kepada kestabilan ekonomi, bekalan makanan dan kesejahteraan masyarakat dunia.

Oleh itu umat Islam hendaklah memperkukuhkan kesatuan, menghindari perpecahan serta sentiasa memelihara keamanan dalam masyarakat. Dalam masa yang sama kita juga hendaklah mengamalkan sikap berjimat cermat dan tidak berlebih-lebihan dalam perbelanjaan serta penggunaan makanan, kerana keadaan dunia yang tidak menentu akibat konflik dan peperangan. Marilah kita memperbanyakkan doa dan munajat kepada Allah SWT agar keamanan, keselamatan dan kesejahteraan terus terpelihara di seluruh dunia.

Muslimin Muslimat yang dikasihi,

Akhir sekali, jagalah lisan dan jari-jemari kita. Jangan jadikan majlis rumah terbuka sebagai medan “membawang” atau menyebarkan fitnah. Jangan jadikan perjumpaan keluarga sebagai sesi membanding-bandingkan kelebihan anak-anak sehingga ada hati yang terluka. Letakkan telefon bimbitmu seketika apabila tetamu hadir di depan mata. Berikanlah perhatian, berikanlah senyuman, dan hargailah setiap detik kebersamaan. Media sosial hanyalah alat jangan biarkan ia meragut keberkatan Syawal kita. Kerana adab itu bukan hiasan; adab itu bukti iman. Dan ukhwah yang benar bukan di skrin; ukhwah yang benar ialah yang dihidupkan dalam realiti.

Justeru, mengakhiri khutbah sebagai penutupnya, mimbar tinggalkan beberapa pesanan untuk semua;

Pertama: Buktikan keberhasilan Madrasah Ramadan dengan mengekalkan istiqamah dalam beribadah, kerana takwa yang hakiki ialah menyembah Allah setiap masa tanpa mengira musim.

Kedua: Jadikan Aidilfitri medan penyucian jiwa dengan membuang ego untuk memulihkan silaturahim yang tulus, serta mengutamakan kesederhanaan berbanding kemegahan material kerana kemenangan sejati ialah kemuliaan iman yang direcai Allah.

Ketiga: Sambutlah Aidilfitri dengan menterjemahkan rasa syukur kepada solidariti buat Palestin melalui doa dan sedekah, di samping memelihara kemuliaan adab lisan serta menghargai kemanisan ukhwah nyata mengatasi gangguan dunia digital.

Renungkanlah Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

Maksudnya: “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ اَكُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاهُ دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاَجْ فَرْمَايسُورِي اِكُوْعْ، رَاَجْ
زَارِيْثْ صُوفِيَاَهْ.

اَللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِ كَلِمَتَكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.
رَبَّنَا اَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللهِ،

﴿ * اِنَّ اِلَهَآءَ يَآمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَنِ وَاِيتَايْ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴾

فَاذْكُرُوْا اِلَهَآءَ الْعَظِيْمِ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيْكُمْ
وَلَذِكْرُ اللهِ اَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ

اللهُ اَكْبَرُ، اللهُ اَكْبَرُ، اللهُ اَكْبَرُ، وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ. تَقَبَّلَ اللهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ